

20.12.2021

Siaran Media  
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **KERJA-KERJA PEMBAIKAN SALURAN PAIP KECEMASAN SELESAI BAGI MENJAMIN BEKALAN AIR KE SEBERANG PERAI SELATAN**

- **Injap yang rosak telah dikeluarkan dari saluran paip utama 1,200mm di sepanjang Jalan Kubang Semang, Permatang Pauh, Seberang Perai Utara.**
- **Kerja-kerja pembaikan segera telah dilaksanakan untuk memastikan bekalan air ke kawasan utama di Seberang Perai Selatan, termasuk Taman Perindustrian Batu Kawan.**

PULAU PINANG, Isnin, 20.12. 2021: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah selesai menjalankan kerja-kerja kecemasan saluran paip di saluran paip utama di sepanjang Jalan Kubang Semang, Permatang Pauh, Seberang Perai Utara (SPU).

Saluran paip 1,200mm yang telah dibaiki adalah saluran paip pengagihan air terawat yang penting. Ia menyalurkan air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke semua kawasan utama di Seberang Perai Selatan (SPS), termasuk Taman Perindustrian Bukit Minyak, Simpang Ampat, Sungai Bakap, Jawi dan Nibong Tebal.

Ketika kerja-kerja kecemasan itu injap kupu-kupu 1,200mm yang rosak ditanggalkan dari saluran paip. Injap berkenaan telah dipasang lebih 23 tahun lalu.

Kebocoran itu menjejaskan tekanan agihan ke SPS. Selain itu, terdapat risiko injap rosak pecah dan menyebabkan gangguan bekalan air yang besar di SPS.

Bagi memudahkan kerja-kerja pembaikan kecemasan, PBAPP terpaksa menutup saluran paip 1,200mm selama 17 jam, dari 10.00 malam Sabtu (18.12.2021) hingga 3.00 petang Ahad (19.12.2021).

## Gangguan bekalan air berkaitan (18 - 19.12.2021)

Penutupan saluran paip 1,200mm ini menyebabkan gangguan bekalan air di banyak kawasan di bahagian seberang pada 18.12.2021 dan 19.12.2021.

Ketika kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan, pada jam 4.30 pagi pada 19.12.2021 (Ahad), PBAPP terpaksa menutup 3 lagi injap bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan. Kerja-kerja kecemasan tambahan ini menyebabkan gangguan bekalan air ke kawasan di Seberang Perai Selatan. Ini adalah situasi kecemasan di luar jangkaan.

Pengguna di kawasan berikut tiada bekalan air:

Daerah	Kawasan
Seberang Perai Utara (SPU)	Taman Arowana Emas, Permatang Janggus, Taman Janggus Jaya, Taman Naluri Ria, Kg. Pertama, Taman Arowana, Permatang Tengah, Taman Naluri Indah dan Pmtg. Tok Kandu
Seberang Perai Tengah (SPT)	Taman Hj. Mohd Amin, Kg. Masjid Timah, Taman Pauh Jaya, Kg. Belah Dua, Kg. Besar, Bt. Tengah, Taman Setia, Kebun Sireh, Taman Sejati, Taman Bayu Mutiara, UiTM Pulau Pinang, Kg. Tok Ebot, Taman Pauh, Kg. Jelapang, Utan Nibong, Kg. Tok Panjang, Taman Indah, Kg. Bt. Indah, Taman IKS Bkt. Tengah dan Bukit Tengah.
Seberang Perai Selatan	Semua kawasan Seberang Perai Selatan

Pada masa itu, PBAPP segera menggerakkan tangki air mereka kepada pengguna di hujung saluran paip dan kawasan tanah tinggi.

Kerja-kerja itu siap pada jam 3.35 petang dan bekalan air pulih pada jam 5.30 petang manakala bagi mereka yang berada di hujung saluran paip dan kawasan yang lebih tinggi, bekalan dipulihkan secara berperingkat. PBAPP memohon maaf kepada semua pengguna air yang terjejas atas segala kesulitan yang berlaku berikutan kerja-kerja pembaikan kecemasan pada 18.12.2021 dan 19.12.2021.

Bagaimanapun, harap maklum perkara berikut:

- Ini adalah senario kecemasan yang memerlukan respons pantas.
- Penanggalan injap untuk menghentikan kebocoran adalah inisiatif yang mendesak dan perlu untuk mengelakkan isu bekalan air besar di SPS.
- Kerja-kerja pembaikan kecemasan telah disiapkan mengikut parameter yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)











